

**Jangan Percaya "Guruh" Ciptaan PAS, PKR Dan DAP: Zahid Bernama**  
**9 September, 2012**

SEMPORNA, 9 Sept (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengingatkan anggota Umno, Barisan Nasional (BN) dan pengundi di Sabah supaya tidak mempercayai 'guruh' ciptaan pakatan pembangkang yang disifatkannya pembohongan semata-mata.

Beliau berkata pakatan pembangkang yang terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), DAP dan PAS kini sibuk ke sana ke mari menabur bermacam-macam janji kepada rakyat untuk memancing undi meskipun menyedari janji berkenaan tidak dapat mereka penuhi.

"Guruh dicipta untuk menghasilkan bunyi kuat jadi ramai orang akan mencurahkan air di tempayan. Mereka cipta petir dan halilintar tetapi mereka tidak mencipta hujan. Petir dan halilintar dicipta tetapi hujan tidak jadi," katanya.

Ahmad Zahid berkata demikian ketika berucap merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Semporna, yang turut dihadiri Naib Presiden Umno yang juga anggota Parlimen Semporna Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, di Dewan Masyarakat Semporna di sini hari ini.

Menurut Ahmad Zahid pakatan pembangkang sengaja mencipta guruh atau membuat heboh kononnya mereka akan tawan seluruh negara pada pilihan raya akan datang sehingga ada yang terpengaruh dengan janji jawatan Ketua Menteri dan mengambil keputusan 'mencurah air di tempayan' dengan meninggalkan BN.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=693284>